



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Cawangan Kedah  
Kampus Sungai Petani

# Voice of Academia

*Academic Series of Universiti Teknologi MARA Kedah*

**VoA 2021**  
Volume 17 Issue 1



## **COMMITTEE PAGE**

### ***VOICE OF ACADEMIA***

Academic Series of Universiti Teknologi MARA Kedah

#### ***Chief Editor***

Dr. Junaida Ismail

*Faculty of Administrative Science and Policy Studies,  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia*

#### ***Editorial Team***

Aishah Musa

*Academy of Language Studies,  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia*

Syahrini Shawalludin

*Faculty of Art and Design,  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia*

Etty Harniza Harun

*Faculty of Business Management,  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia*

Khairul Wanis Ahmad

*Facility Management & ICT Division,  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia*

Suhaida Abu Bakar

*Academy of Contemporary Islamic Studies Department,  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia*

#### ***Editorial Board***

Professor Dr M. Nauman Farooqi

*Faculty of Business & Social Sciences,  
Mount Allison University, New Brunswick, Canada*

Professor Dr Kiyomet Tunca Caliyurt

*Faculty of Accountancy,  
Trakya University, Edirne, Turkey*

Professor Dr Diana Kopeva

*University of National and World Economy,  
Sofia, Bulgaria*

Professor Dr Sivamurugan A/L Pandian

*Universiti Sains Malaysia, Malaysia*

Associate Professor Dr Wan Adibah Wan Ismail  
*Faculty of Accountancy,  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia*

Dr Azlyn Ahmad Zawawi  
*Faculty of Administrative Science and Policy Studies,  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia*

Dr Azyyati Anuar  
*Faculty of Business Management,  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia*

Dr Neesa Amera Mohammed Salim  
*Faculty of Art & Design,  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia*

Dr Muhamad Khairul Anuar Zulkepli  
*Academy of Contemporary Islamic Studies Department,  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia*

Dr Mohd Nasir Ayub  
*Academy of Contemporary Islamic Studies Department,  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia*

#### ***Content Reviewer***

Associate Professor Ts Dr Asmadi Mohammad Ghazali  
*Universiti Teknologi MARA*

Associate Professor Dr Fadzilah Azni Ahmad  
*Universiti Sains Malaysia*

Associate Professor Dr Nur Hisham Ibrahim  
*Universiti Teknologi MARA*

Associate Professor Dr Mahadir Ladisma @ Awism  
*Universiti Teknologi MARA*

Associate Professor Dr Noor Zahirah Mohd Sidek  
*Universiti Teknologi MARA*

Associate Professor Dr Rizaimy Shahrudin  
*Universiti Teknologi MARA*

Associate Professor Dr Yarina Ahmad  
*Universiti Teknologi MARA*

Dr Azita Ahmad Zawawi, Senior Lecturer  
*Universiti Putra Malaysia*

Dr Azyyati Anuar  
*Universiti Teknologi MARA*

Dr Azlyn Ahmad Zawawi  
*Universiti Teknologi MARA*

Dr. Anida Mahmood  
*Universiti Teknologi MARA*

Dr Junaida Ismail  
*Universiti Teknologi MARA*

Dr Mahadzir Ismail  
*Universiti Teknologi MARA*

Dr Mohamed Samsudeen Sajahan  
*Universiti Teknologi MARA*

Dr. Mohd Nasir Bin Ayub  
*Universiti Teknologi MARA*

Dr Norhidayah Ali  
*Universiti Teknologi MARA*

Dr. Nur Hafeeza Binti Ahmad Pazil  
*Universiti Sains Malaysia*

Dr Nur Zafifa Kamarunzaman  
*Universiti Teknologi MARA*

Dr Radzliyana Radzuwan  
*Universiti Teknologi MARA*

Dr Siti Zuliha Razali  
*Universiti Sains Malaysia*

Dr Zubir Azhar  
*Universiti Sains Malaysia*

***Language Reviewer***

Dr Wan Irham Ishak  
*Universiti Teknologi MARA*

Aishah Musa  
*Universiti Teknologi MARA*

Bawani Selvaraj  
*Universiti Teknologi MARA*

Nor Aslah Adzmi  
*Universiti Teknologi MARA*


Norfaridatonasmah Abd Kadir  
*Universiti Teknologi MARA*

Samsiah Bidin  
*Universiti Teknologi MARA*

Shafina Md Salleh  
*Universiti Teknologi MARA*

Sharina Saad  
*Universiti Teknologi MARA*

e-ISSN: 2682-7840



**Copyright © 2021 by the Universiti Teknologi MARA, Kedah**

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, stored in a retrieval system, or transmitted in any form or any means, electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise, without prior permission, in writing, from the publisher.

© Voice of Academia is jointly published by the Universiti Teknologi MARA Caawangan Kedah, Malaysia and Penerbit UiTM (UiTM Press), Universiti Teknologi MARA Malaysia, Shah Alam, Selangor.

The views, opinions and technical recommendations expressed by the contributors and authors are entirely their own and do not necessarily reflect the views of the editors, the Faculty or the University.

# TABLE of CONTENTS

<b>POTENSI MASJID SEBAGAI PRODUK PELANCONGAN DI MALAYSIA</b> Azarudin Awang <sup>1</sup> , Zainuddin Zakaria <sup>2</sup> , Mohd Sabri Abdul Ghafar <sup>3</sup> , Noralisa Ismail <sup>4</sup> , Zuraini Jusoh <sup>5</sup>	<b>1 - 9</b>
<b>AN INVESTIGATION ON UNIVERSITY STUDENTS' PERCEPTIONS ABOUT ICEBREAKERS IN CLASSROOMS</b> Che Nooryohana Zulkifli <sup>1</sup> , Mohamad Putera Idris <sup>2</sup>	<b>10 - 19</b>
<b>A STUDY ON AIR POLLUTION INDEX IN SABAH AND SARAWAK USING PRINCIPAL COMPONENT ANALYSIS AND ARTIFICIAL NEURAL NETWORK</b> Norwaziah Mahmud <sup>1</sup> , Nur Elissa Syazrina Zulkifli <sup>2</sup> , Nur Syuhada Muhammat Pazil <sup>3</sup>	<b>20 - 29</b>
<b>CHARACTERISTIC PERFORMANCE CUSTOMER RELATION MANAGEMENT: A CASE STUDY TECHNOLOGY EDUCATION INSTITUTION IN MALAYSIA</b> Muhamad Fairos Mohamad Shah	<b>30 - 36</b>
<b>ILLEGAL STREET HAWKERS ISSUE FACING THE LOCAL AUTHORITIES IN SARAWAK: A CASE STUDY OF URBAN STREETS IN KUCHING CITY</b> Noni Harianti Junaidi <sup>1</sup> , Anisa Safiqah Othman <sup>2</sup>	<b>37 - 54</b>
<b>EMOJI &amp; EMOTICON-RELATED LEGAL ISSUES</b> Nor Azlina Mohd Noor <sup>1</sup> , Ahmad Shamsul Abd Aziz <sup>2</sup>	<b>55 - 62</b>
<b>GRADUATES' EMPLOYABILITY: ENHANCING STUDENTS' OVERALL PERFORMANCES</b> Fatin Adilah Razali <sup>1</sup> , Shafinaz Lyana Abu Talib <sup>2</sup> , Naqiah Awang <sup>3</sup>	<b>63 - 72</b>
<b>PLAYING E-SPORT AMONG UNIVERSITY STUDENTS: BENEFITS AND DISADVANTAGES</b> Nurul Nadiah Rasdi <sup>1</sup> , Ahmad Najmie Rusli <sup>2</sup>	<b>73 - 80</b>
<b>FACTORS FOR FINANCIAL RESTATEMENTS: CASE OF PUBLIC LISTED COMPANIES IN MALAYSIA</b> Shafinaz Lyana Abu Talib <sup>1</sup> , Fatin Adilah Razali <sup>2</sup> , Zaini Ahmad <sup>3</sup>	<b>81 - 96</b>
<b>PERCEIVED ORGANIZATIONAL SUPPORT AND JOB STRESS ON TURNOVER INTENTION: CONCEPTUAL PAPER</b> Roshidah Safeei	<b>97 - 104</b>
<b>IS EMERGING FOREIGN EXCHANGE MARKET EFFICIENT?</b> Soofiyah Aiman Sanadi <sup>1</sup> , Bee-Hoong Tay <sup>2</sup>	<b>105 - 115</b>
<b>THE IMPACT OF PERFORMANCE EXPECTANCY ON PURCHASING TRAVEL PRODUCTS VIA ONLINE TRAVEL AGENTS WEBSITES: GENDER AS MODERATOR</b> Safwan Marwin Abdul Murad <sup>1</sup> , Arunnaa a/p Sivapathy <sup>2</sup> , Annuar Aswan Mohd Nor <sup>3</sup>	<b>116 - 128</b>
<b>LOGAN MULTI-FUNCTIONAL DIGITAL CLOCK</b> Nik Nur Aneesa Zamzurri <sup>1</sup> , Norarifah Ali <sup>2</sup> , Izza Syahida Abdul Karim <sup>3</sup>	<b>129 - 152</b>
<b>HIBAH AL-UMRA DAN HIBAH AL-RUQBA DARI PERSPEKTIF MAZHAB AL-SYAFIE</b> Nurfahana Mohd Daud <sup>1</sup> , Mohd Asyadi Redzuan <sup>2</sup> , Dziauddin Sharif <sup>3</sup> , Siti Noor Ain Binti Aziz <sup>4</sup> , Mahasin Saja@Mearaj <sup>5</sup> , Aflah Isa <sup>6</sup>	<b>153 - 162</b>
<b>KAJIAN KONSEPTUAL TENTANG KESEDARAN BERWAKAF DALAM KALANGAN KAKITANGAN UITM CAWANGAN KEDAH</b> Azyyati Anuar <sup>1</sup> , Rohayati Hussin <sup>2</sup> , Nurul Mazrah Manshor <sup>3</sup> , Noor Hidayah Kasim <sup>4</sup> , Daing Maruak Sadek <sup>5</sup>	<b>163 - 172</b>
<b>PREVENTION IS BETTER THAN CURE: A CASE OF PARENTS' DECISIONS OF CHILDREN VACCINATIONS</b> Johan Mukhlis Jan Zakri <sup>1</sup> , Mohd Nazir Rabun <sup>2</sup> , Mohamad Syafiqir Rahman Mohamad Nazir <sup>3</sup>	<b>173 - 192</b>
<b>PUBLIC INTENTION TO REPORT CHILD ABUSE IN MALAYSIA: A CROSS SECTIONAL STUDY</b> Nurul Hidayana Mohd Noor <sup>1</sup> , Sharifah Hanis Syamimi Ghazali <sup>2</sup> , Nurul Nabila Huda Abu Bakar <sup>3</sup>	<b>193 - 203</b>
<b>APLIKASI TEKNIK PEMOTONGAN LASER DALAM REKABENTUK PRODUK BATIK MERBOK</b> Normaziana Hassan <sup>1</sup> , Mas Ayu Zainal @ Ismail <sup>2</sup> , Zaidi Yusoff <sup>3</sup> , Ahmad Fazlan Ahmad Zamri <sup>4</sup>	<b>204 - 218</b>
<b>MASALAH BERKAITAN FORMAT SURAT RASMI DALAM KALANGAN PENSYARAH BAHASA DI UiTM CPP</b> Raja Rosila Raja Berahim <sup>1</sup> , Noraziah Mohd Amin <sup>2</sup> , Nur Afiqah Ab. Latif <sup>3</sup> , Noor Azli Affendy Lee <sup>4</sup> , Melati Desa <sup>5</sup> , Che Nooryohana Zulkifli <sup>6</sup> , Boon Yih Mah <sup>7</sup>	<b>219 - 231</b>
<b>CONFLUENCE OF COSTUME AND MAKE UP IN DEFINING COMMUNISIM VIA INDEPENDENT DOCUMENTARY</b> Mohd Nor Shahizan Ali <sup>1</sup> , Neesa Ameerah Mohamed Salim <sup>2</sup> , Faryna Mohd Khalis <sup>3</sup>	<b>232 - 242</b>





## KAJIAN KONSEPTUAL TENTANG KESEDARAN BERWAKAF DALAM KALANGAN KAKITANGAN UiTM CAWANGAN KEDAH

Azyyati Anuar<sup>1</sup>, Rohayati Hussin<sup>2</sup>, Nurul Mazrah Manshor<sup>3</sup>, Noor Hidayah Kasim<sup>4</sup>,

Daing Maruak Sadek<sup>5</sup>

<sup>1</sup>Jabatan Pengurusan Perniagaan, Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah

<sup>2,3</sup>Jabatan Undang-Undang, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Kedah

<sup>4,5</sup>Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah

---

### ARTICLE INFO

#### Article history:

Received July 2020

Received in revised form Aug 2020

Accepted Oct 2020

Published Jan 2021

---

#### Keywords:

Kesedaran, wakaf, Projek Wakaf Pembinaan Kompleks Arshad Ayub, UiTM Cawangan Kedah

#### Corresponding Author:

[azyyati@uitm.edu.my](mailto:azyyati@uitm.edu.my)

---

### ABSTRACT

The Government of Malaysia has targeted Public Universities (UA) to generate their own income to cover part of the university's management expenses without being overly dependent on funds from the government. Accordingly, UiTM Kedah Branch (UiTMCK) would also like to take the initiative to utilize wakaf instruments by helping UiTM Shah Alam to raise funds for the Projek Wakaf Pembinaan Kompleks Arshad Ayub as a source of income generation. Moreover, to ensure the university staff and students will gain the benefits. Nevertheless, how far society, especially UiTMCK staff, have an awareness of the importance of wakaf. Therefore, this paper aims to propose a conceptual study to identify wakaf awareness among UiTMCK staff. Besides, to consider several factors in determining the level of awareness of wakaf among UiTMCK staff. This study will be conducted quantitatively by using questionnaires in collecting the data. The permanent staff of UiTMCK will be selected as respondents. The data obtained will be analyzed using SPSS version 25 for measuring frequency, descriptive, and correlation. Finally, the findings will assist UiTMCK staff in giving awareness of the importance of wakaf and motivation to remain conscious not only for the Projek Wakaf Pembinaan Kompleks Arshad Ayub, but also for any other wakaf project throughout Malaysia.

Kerajaan Malaysia telah menasarkankan Universiti Awam (UA) untuk menjana pendapatan sendiri bagi menampung sebahagian daripada perbelanjaan mengurus universiti tanpa terlalu bergantung kepada dana daripada kerajaan. Selaras dengan itu, UiTM Cawangan Kedah (UiTMCK) juga ingin mengambil inisiatif untuk menggunakan instrumen wakaf dengan membantu UiTM Shah Alam untuk mengumpul dana bagi Projek Wakaf Pembinaan Kompleks Arshad Ayub sebagai sumber penjana pendapatan agar warga universiti meraih manfaatnya. Namun begitu, sejauh manakah masyarakat khususnya warga UiTMCK mempunyai kesedaran tentang pentingnya berwakaf. Oleh itu, tujuan kajian ini ingin mencadangkan satu kajian konseptual bagi mengenal pasti kesedaran berwakaf dalam kalangan kakitangan UiTMCK dengan mengambil kira beberapa faktor

---

*bagi menentukan tahap kesedaran tentang wakaf dalam kalangan kakitangan UiTMCK. Kajian yang bakal dijalankan adalah berbentuk kuantitatif dengan menggunakan soal selidik bagi mendapatkan data. Kakitangan UiTMCK berjawatan tetap akan dipilih sebagai responden kajian. Data yang diperolehi akan dianalisis menggunakan SPSS versi 25 untuk analisis frekuensi, deskriptif, dan korelasi. Akhir sekali, dapatan kajian ini diharapkan akan dapat membantu kakitangan UiTMCK dalam memberi kesedaran tentang kepentingan wakaf dan dapat memberi motivasi untuk terus berwakaf bukan sahaja bagi Projek Wakaf Pembinaan Kompleks Arshad Ayub, malah bagi mana-mana projek wakaf yang lain di seluruh Malaysia.*

©2021 UiTM Kedah. All rights reserved.

---

## 1. PENGENALAN

Dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2015-2025 Pendidikan Tinggi, kerajaan telah menggariskan sepuluh lonjakan bagi mendorong kecemerlangan berterusan sistem pendidikan tinggi di Malaysia. Antara yang menarik ialah lonjakan kelima yang menekankan tentang kemapanan kewangan di Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) (Higher Education, 2015). Hal ini selaras dengan saranan kerajaan yang menyasarkan Universiti Awam (UA) untuk menjana pendapatan sendiri bagi menampung sebahagian daripada perbelanjaan mengurus universiti tanpa terlalu bergantung kepada dana daripada kerajaan. Secara alternatif, salah satu sumber penajaan pendapatan yang boleh dilaksanakan adalah melalui wakaf. Harapan Kementerian Pendidikan Tinggi untuk melihat lebih banyak UA menjana pendapatan sendiri melalui instrumen wakaf telah direalisasikan dengan mewujudkan Buku Ungu (Purple Book) di bawah Program Transformasi Universiti (UNiTP) yang dilancarkan pada Julai 2016. Buku Ungu ini merupakan garis panduan kepada UA untuk melaksanakan inisiatif tersebut yang meliputi aspek penajaan pendapatan, penyediaan kemudahan dan infrastruktur bagi pendidikan tinggi di Malaysia. Bagi UA yang baru ingin menubuhkan Tabung Wakaf, Buku Ungu ini perlu dijadikan panduan. Bagi UA yang terlebih dahulu menubuhkan Tabung Wakaf pula, Buku Ungu ini dijadikan rujukan untuk memantapkan lagi pengurusan wakaf di institusi mereka (Hussin & Abdul Rashid, 2018).

Selain itu, satu rujukan yang lebih komprehensif, iaitu Manual Panduan Pengurusan Wakaf Institusi Pendidikan telah diterbitkan oleh Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) dan dilancarkan pada bulan Oktober 2018. Manual panduan ini bukan hanya menjadi rujukan kepada UA sahaja, bahkan kepada seluruh institusi pendidikan yang ingin melaksanakan wakaf. Pelaksanaan wakaf sebagai instrumen untuk pembangunan fasiliti dan kemudahan di UA di Malaysia dilihat semakin berkembang. Sehingga kini, keseluruhan UA di Malaysia telah mewujudkan dana wakaf termasuk UiTM Shah Alam. Selaras dengan itu, UiTMCK juga ingin mengambil inisiatif untuk menggunakan instrumen wakaf sebagai sumber penajaan pendapatan agar warga universiti meraih manfaatnya.

### **Latar belakang Projek Wakaf Pembinaan Kompleks Arshad Ayub**

Bagi merealisasikan penubuhan dana wakaf di UiTMCK, fasa permulaan telah digerakkan dengan memohon kebenaran daripada Jawatankuasa Peringkat Tertinggi UiTMCK. Seterusnya, permohonan kebenaran Majlis Agama Islam Kedah (MAIK) selaku pemegang amanah tunggal wakaf di negeri Kedah perlu dibuat agar segala aktiviti wakaf

yang akan dilaksanakan bertepatan dengan peruntukan perundangan. Oleh itu, semua projek wakaf yang dirancang khususnya kepada warga UiTMCK tidak dapat dijalankan selagi kebenaran daripada MAIK belum diperolehi. Namun, UiTMCK boleh menjadi ejen kutipan wakaf bagi membantu UiTM Shah Alam untuk mengumpul dana bagi Projek Wakaf Pembinaan Kompleks Arshad Ayub.

Projek Wakaf Pembinaan Kompleks Arsyad Ayub ini merupakan projek inisiatif Universiti Teknologi MARA bagi memberi penghormatan kepada YBhg. Tan Sri Dato' Seri Utama (Dr) Arshad Ayub, Pengarah pertama Institut Teknologi MARA dari tahun 1967 hingga 1975. Beliau bertanggungjawab dalam pembangunan UiTM sebagai sebuah universiti yang memberikan peluang pendidikan tinggi sehingga lahirnya tokoh-tokoh korporat dan usahawan yang terkenal. Kompleks ini dibangunkan melalui kutipan dana wakaf di atas tapak seluas 3 hektar di Seksyen 3, Shah Alam bermula pada tahun 2020 dan dijangka siap pada tahun 2023. Kompleks ini bakal dilengkapi dengan ruang dan bilik kuliah menggunakan teknologi terkini dan interaktif, perpustakaan dan ruang rekreasi serta dewan serba guna dan lot-lot perniagaan untuk di sewa. (<https://uitmpay.uitm.edu.my/giving/products/AA/27/6>)

Sehubungan dengan itu, bagi membantu untuk mendapatkan dana wakaf bagi projek ini, satu Jawatankuasa gerak kerja wakaf telah ditubuhkan di UiTMCK bagi melancarkan projek ini bermula pada bulan Julai 2020. Sasaran kutipan dana adalah sebanyak RM30,000 sehingga Oktober 2020. Pelbagai kaedah promosi dijalankan dengan menggunakan aplikasi *WhatsApp*, laman web UiTMCK, sepanduk (*banner*) dan *bunting* bagi mencapai objektif sasaran agar dapat meningkatkan kesedaran warga UiTMCK berwakaf. Hasil keseluruhan kutipan wakaf yang diperolehi adalah sebanyak RM29,000 iaitu hampir-hampir mencapai sasaran. Walaupun tidak mencapai sasaran kutipan yang ditetapkan, pengkaji percaya bahawa melalui projek rintis di UiTMCK ini, usaha ini secara tidak langsung dapat memperlihatkan sejauh mana kesedaran warga UiTMCK untuk berwakaf. Berdasarkan projek rintis ini, pengkaji berpendapat penting untuk dijalankan satu kajian bagi melihat faktor yang mendorong warga UiTMCK untuk berwakaf. Kajian yang bakal dijalankan berbentuk kuantitatif dengan menggunakan soal selidik bagi mendapatkan data berdasarkan tiga faktor, iaitu pengetahuan, promosi, dan penyampaian maklumat. Hasil dapatan daripada kajian ini akan menjadi faktor yang boleh diambil kira agar beberapa pendekatan boleh diambil supaya pelaksanaan projek wakaf di UiTMCK pada masa akan datang dapat dirancang dengan lebih baik.

## 2. ULASAN KEPUSTAKAAN

### **Definisi Wakaf**

Dari sudut bahasa, wakaf berasal daripada perkataan Arab, iaitu *waqf*. *Waqf* merupakan nama terbitan (*masdar*) dari kata kerja *waqafa*. Wakaf juga bermaksud berhenti, menahan, dan menghalang manakala dalam istilah/syara', wakaf ialah apa-apa harta yang ditahan hak pewakaf ke atas harta tersebut daripada sebarang urusan jual beli, pewarisan, hibah, dan wasiat di samping mengekalkan sumber fizikalnya, untuk kebajikan dengan niat untuk mendekatkan diri pewakaf kepada Allah S.W.T (Ramli & Jalil 2017).

Ahmad Shukor (2015) mendefinisikan wakaf merujuk kepada apa-apa harta yang boleh dinikmati manfaat atau faedahnya untuk apa-apa tujuan khairat sama ada sebagai wakaf am atau khas berdasarkan hukum syarak. Menurut Jumhur Ulama' wakaf juga ditakrifkan sebagai menahan barangan harta yang boleh dimanfaatkan serta kekal asetnya dengan memutuskan guna pakai ke atas aset itu dari pihak pewakaf atau lainnya ke arah kegunaan yang harus atau diguna pakai penghasilannya ke arah kebaikan dan kebajikan

kerana mendamping diri kepada Allah (Yayasan Waqaf Malaysia, 2020). Wakaf juga merujuk kepada amalan menyerahkan harta yang dimiliki untuk kegunaan atau manfaat orang ramai. Tujuan utama pewakaf melaksanakan ibadah berwakaf adalah untuk mendapat keredhaan Allah S.W.T. (Ismail, Mohd Deni, Sulaiman & Muhammad 2015)

### **Dalil Pensyariatan Wakaf**

Menurut Ali Hamdan (2016), istilah wakaf tidak dinyatakan secara langsung di dalam al-Quran atau al-hadith namun istilah wakaf sering dikaitkan dengan kebajikan dan pahala yang berterusan. Pemberi wakaf juga sedia maklum bahawa banyak manfaat yang akan diperoleh di dunia dan di akhirat dengan memberi sumbangan dalam bentuk wakaf. Kesedaran pemberi wakaf untuk menyumbang adalah bertepatan dengan dalil di dalam al-Quran dan al-hadith yang menyeru agar manusia berbuat kebajikan daripada harta yang mereka perolehi.

Antara dalil pensyariatan wakaf di dalam al-Quran seperti yang terdapat di dalam Surah al-Baqarah, ayat 261 yang bermaksud:

*"Bandingan (derma) orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah, ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai; tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji. Dan (ingatlah), Allah akan melipat gandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendakinya dan Allah Maha Luas (rahmat) kurnianya lagi Meliputi ilmu pengetahuannya".*

Sabda Rasulullah s.a.w pula dalam satu hadith yang bermaksud:

*"Apabila mati seseorang manusia, terputuslahlah amalnya (tidak bertambah lagi kebaikan amalannya itu) kecuali tiga perkara; sedekah jaariyah, ilmu yang bermanfaat, dan anak yang soleh yang mendoakan kedua ibu bapanya"*

(Hadis Riwayat Muslim)

Berdasarkan hadith di atas, ulama' hadith bersepakat bahawa sedekah jaariyah dalam hadith berkenaan merujuk kepada amalan wakaf kerana bentuk-bentuk sedekah yang lain tidak mempunyai elemen berpanjangan atau kekal sepertimana wakaf yang terus mengalir kepada pewakaf walaupun selepas kematiannya (Sulaiman, 2008).

### **Kajian-kajian lepas**

Perbincangan dan kajian mengenai wakaf bukanlah suatu yang baharu. Menurut Nailul Morad dan Mohd Firdaus (2013), sebahagian besar umat Islam tahu mengenai wakaf secara teori tetapi mereka tidak didorong dan dididik untuk mengambil tindakan yang sewajarnya dalam berwakaf. Justeru, terdapat pelbagai isu dan topik wakaf telah dibincangkan dalam kajian-kajian lepas. Antara isu yang telah dibincangkan adalah mengenai tahap kesedaran mengenai wakaf di kalangan para pelajar (Echchabi, Houssem Eddine, & Ayedh, 2015; Harun, Abd Mutalib, Rashid, Murat, & Yaakub, 2016), tahap kesedaran mengenai wakaf dalam kalangan masyarakat Islam di Kota Bharu, Kelantan (Ismail, Razak, & Muhammad, 2015), di Besut, Terengganu (Zulkiflee, Wahid, & Ahmad, 2015); Selangor (Fatin, Sabri, & Kassim, 2017) dan kajian yang dilakukan ke atas golongan anggota tentera untuk mengetahui sejauh mana kefahaman mereka mengenai wakaf (Jalal, Ghani, Ismail, & Nordin,

2019). Di peringkat global, kajian mengenai kesedaran wakaf juga telah dijalankan dalam kalangan 200 orang pelajar di Algeria dan dapatan kajian menunjukkan mereka mempunyai pengetahuan yang baik mengenai wakaf (Echchabi, et al., 2015). Menurut Ahmad (2019), melalui kajian kualitatif yang dijalankan di kalangan pihak berkepentingan di Nigeria Utara mendapati bahawa institusi wakaf di Nigeria Utara belum mencapai objektif Syariah kerana mereka kurang percaya terhadap institusi tersebut.

Secara umumnya, dapatan daripada kajian-kajian lepas juga mendapati bahawa tahap kesedaran dan kefahaman masyarakat atau responden terhadap wakaf lebih rendah dan ada yang berada pada tahap sederhana berpunca daripada kekurangan maklumat dan pengetahuan mengenainya (Harun et al., 2016; Jalal et al., 2019). Selain itu, menurut Ahmad (2019), hilang kepercayaan atau keyakinan ke atas institusi wakaf juga menyumbang kepada kegagalan pelaksanaan institusi wakaf. Sehubungan dengan itu, beliau telah mencadangkan perlunya ada pentadbiran wakaf yang bebas daripada campur tangan politik. Hasil daripada kajian soal selidik juga telah mendapati bahawa ada di kalangan responden yang masih tidak mengetahui tentang program-program yang dijalankan bagi mempromosi wakaf kerana kurang mendapat liputan (Md Kamdari, Yusoff, & Abdul Malik, 2017). Terdapat juga segelintir masyarakat yang masih keliru dengan pengertian wakaf serta masih tidak dapat membezakan antara wakaf dengan sedekah (Md Kamdari et al., 2017). Hal ini turut disokong oleh Muhammad, Abdul Razak, Awang, Mohd Hussin, dan Aliyask (2019). Penyebaran maklumat mengenai wakaf perlu diberi perhatian dan tidak sepenuhnya bersandarkan kepada Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) sahaja, malah semua pihak bertanggungjawab dalam menyebarkan maklumat. Menurut Zulkiflee et al. (2015) dan Haron et al. (2016), promosi dan pengetahuan merupakan antara faktor penting memainkan peranan dalam memberi kesedaran dan pemahaman tentang wakaf. Kajian-kajian lepas mengenai wakaf turut dikaji di peringkat global selain Malaysia. Antaranya, kertas kerja Echchabi et al. (2015) yang membuktikan hubungan yang signifikan antara sumber pengetahuan yang jelas terhadap tahap kesedaran berwakaf dalam kalangan pelajar di Algeria. Kajian juga pernah dilakukan di Brunei, (Mohiddin & Yusof, 2017) serta Utara Nigeria (Mahadi, 2018).

Secara ringkasnya, kebanyakan kajian lepas jelas menunjukkan tahap kefahaman terhadap wakaf masih lagi kurang dalam kalangan masyarakat (Rujuk Jadual 1). Sehubungan dengan itu, pengkaji ingin mengambil peluang untuk mengkaji kesedaran wakaf dalam aspek pengetahuan, promosi dan penyampaian maklumat dalam kalangan kakitangan UiTMCK. Ketiga-tiga aspek atau faktor ini tidak dikaji secara serentak dalam kajian sebelum ini. Tujuannya adalah untuk penambahbaikan ke atas ideologi wakaf. Memandangkan kajian berkaitan kefahaman, kesedaran dan pengetahuan ini masih relevan dan menyumbang kepada percambahan ilmu, maka kajian ini hanya memfokuskan tahap kesedaran wakaf dalam kalangan kakitangan UiTMCK untuk perkembangan wakaf pada masa hadapan.

Jadual 1

Kajian-kajian lepas berhubung dengan wakaf

Wakaf	Kes ed ara n	Pro mos i	Kor por at wa kaf	Kefa ham an	Cab aran	Pe mer kas aa n	Pela ksan aan	Pen glib ata n	Ihsa n	Am ana h	Wa kaf tun ai
Nailul Morad & Mohd Firdaus (2013)								/			
Osman (2014)		/									
Echchabi et al., (2015)	/										
Isamail, Rosele, & Ramli (2015)						/					
Ismail, Razak, & Muhammad (2015)				/							
Zulkiflee et al, (2015)	/										
Harun et al. (2016)	/	/									
Md Kamdari et al. (2017)	/		/								
Suhaimi, Sabri, & Aizham (2017)				/							
Mohiddin & Yusof (2017)						/	/				
Ahmad (2019)						/					
Yusoff & Taib (n.d.)									/	/	
Haron et al. (2016)						/					/



### 3. METODOLOGI

Kajian ini menfokuskan sejauh mana kakitangan UiTMCK mempunyai kesedaran tentang wakaf. Kajian ini tercetus apabila UiTMCK diarahkan untuk membuat kutipan wakaf bagi pelaksanaan Projek Wakaf Pembinaan Kompleks Arshad Ayub. Kini, promosi tentang wakaf giat dijalankan dalam UiTMCK. Mengambil kira populasi kajian ini adalah warga UiTMCK, iaitu seramai 613 dengan mensasarkan sampel kajian ini terdiri daripada kakitangan UiTMCK yang berjawatan tetap sahaja, iaitu seramai 547 pekerja. Namun begitu, bagi menentukan sampel saiz, kaedah Krejcie dan Morgan (1970) akan digunakan dengan bilangan sampel saiz adalah sebanyak 226. Kajian ini akan menggunakan teknik persampelan mudah. Persampelan mudah atau keselesaan, iaitu di bawah kategori persampelan bukan rawak bermaksud kaedah pemilihan sampel dengan cara yang paling mudah dan selesa kepada penyelidik untuk membolehkan responden menjawab soal selidik (Hussin, Ali & Noor, 2014). Tambahan pula teknik persampelan ini biasanya diguna pakai dan lebih sesuai untuk kajian lapangan (Bryman & Bell, 2015). Khususnya, kajian berhubung dengan manusia adalah amat kurang sekiranya melibatkan persampelan rawak (Polit & Beck, 2010).

Pengkaji akan menggunakan soal selidik dalam bentuk *Google Forms*, iaitu dalam talian bagi memudahkan responden untuk menjawab soalan. Menurut Kumar dan Naik (2016), *Google Forms* merupakan satu perkhidmatan yang disediakan untuk mengumpul data melalui laman web. Borang maya ini merupakan satu alat yang sangat berguna kerana boleh menyimpan data yang dikumpul ke dalam *Google Sheet* secara automatik (Kumar & Naik, 2016).

Soal selidik bagi kajian ini akan merangkumi dua bahagian, iaitu bahagian A merupakan demografik yang mengandungi 6 item dan bahagian B mempunyai pembolehubah pengetahuan, promosi, dan penyampaian maklumat yang merangkumi 17 item. Soalan yang disediakan akan diadaptasi daripada kajian-kajian lepas seperti Shari (2019) dan Saufirah, Tahir, Wahid dan Ahmad (2015) yang mengandungi 5 skala likert, iaitu sangat tidak setuju, tidak setuju, kurang setuju, setuju, dan sangat setuju. Program SPSS versi 25 akan digunakan untuk analisis frekuensi, deskriptif dan korelasi. Tujuan deskriptif analisis ini digunakan adalah untuk menerangkan dan menunjukkan keputusan kajian lebih bermakna dan signifikan. Begitu juga dengan korelasi digunakan bagi melihat kekuatan hubungan antara pembolehubah-pembolehubah yang dipilih. Selain itu, melalui analisis yang dijalankan, kajian ini akan mengenal pasti faktor manakah yang paling menyumbang kepada kesedaran wakaf dalam kalangan kakitangan UiTMCK.

### 4. KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, kesedaran wakaf adalah signifikan untuk dikaji kerana daripada kajian ini, beberapa pihak berkepentingan seperti para akademik, ahli agama, ahli politik, pihak kerajaan, swasta mahupun dalam kalangan kakitangan UiTM sendiri perlu mengambil cakna tentang betapa pentingnya wakaf. Justeru, kajian ini akan melihat dari tiga faktor kesedaran wakaf, iaitu dari aspek pengetahuan, promosi, dan penyampaian maklumat. Melalui tiga faktor ini, pengkaji akan dapat mengenal pasti faktor yang paling menyumbang kepada kesedaran wakaf. Seterusnya dapat memberi cadangan penambahbaikan bagi meningkatkan kesedaran tentang wakaf ke atas Projek Wakaf Pembinaan Kompleks Arsyad Ayub dalam kalangan kakitangan UiTM, khususnya UiTMCK.

Walaupun maklumat tentang wakaf agak terhad tetapi pengkaji mahu kesedaran wakaf ini dapat disebar luas, dihayati, dan difahami dengan lebih mendalam. Secara tidak langsung, dapat mempengaruhi masyarakat di sekeliling untuk berminat dalam berwakaf. Oleh itu, wakaf bukan sahaja dapat membantu memberi kesedaran kepada masyarakat, malah dapat membangunkan dan mensejahterakan ekonomi ummah, khususnya di Malaysia.

## PENGHARGAAN

Semua penyelidik ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada ahli-ahli penyelidik, Jawatankuasa Wakaf UiTMCK dan kakitangan UiTMCK kerana memberi kepercayaan dan kerjasama yang sebaiknya dalam melaksanakan projek ini.

## RUJUKAN


- Ahmad, M. (2019). An empirical study of the challenges facing zakat and waqf institutions in Northern Nigeria. *ISRA International Journal of Islamic Finance*, 11(2), 338–356. <https://doi.org/10.1108/IJIF-04-2018-0044>
- Ahmad Shukor. A. S. A. (2015). *Potensi Wakaf Pendidikan Tinggi di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ali Hamdan. S. U. (2016). *Konsep dan Pelaksanaan Wakaf Korporat di Institusi Pengajian Tinggi di Negeri Selangor: Kajian Menurut Perspektif Perundangan*. Universiti Malaya.
- Al-Quran (2008). Kuala Lumpur. Pustaka darul Iman Sdn. Bhd.
- Ramli, A. M., & Jalil, A. (2017). Wakaf korporat: Konsep & perkembangan di Malaysia dan dunia Islam. Seminar Filantropi Dan Derma-Bakti Islam: Pendekatan Korporat Dalam Konsep Wakaf, 1–24.
- Bryman, A., & Bell, E. (2015). *Business research methods* (4th ed.). United Kingdom: OUP Oxford
- Echchabi, A., Houssein Eddine, C. O., & Ayedh, A. M. (2015). Awareness about Waqf among Algerian Students : An Exploratory Study. *Journal of Islamic Business and Management*, 5(1), 1–13. <https://doi.org/10.12816/0027405>
- Fatin, A., Sabri, S. A., & Kassim, M. A. (2017). Tahap kefahaman mengenai wakaf: Kajian Kes Di Selangor. *4th International Conference on Management and Muamalah 2017 (ICoMM 2017)*, 2017(November), 373–382.
- Harun, R., AbdMusalib, H., Rashid, R. A., Murat, A., & Yaakub, N. I. (2016). Promotion as a Determinants for Waqf Awareness among University. *International Academic Research Journal of Social Science*, 2(1), 95–99.
- Higher Education (2015). *Malaysia Education Blueprint 2015-2025*.
- Hussin, R. & Abdul Rashid, R. (2018). Pelaksanaan Wakaf di Universiti Awam: Cabaran dan Cadangan Penambahbaikan. *Voice of Academia*, 13, 23–34.



- Ismail, M. Z., Rosele, M. I., & Ramli, M. A. (2015). Pemerkasaan Wakaf di Malaysia: Satu Sorotan. *Labuan E-Journal of Muamalat and Society*, 9(February 2016), 1–13.
- Ismail, N. A., Razak, A. A., & Razak, F. M. (2015). Amalan Wakaf Dalam Kalangan Masyarakat Islam di Kota Bharu Kelantan. *Labuan E-Journal of Muamalat and Society*, 9, 14–25.
- Ismail, M., Mohd Deni, M. I., Sulaiman, M & Muhammad S.H (2015). Melestari ekonomi Institusi Pengajian Tinggi Islam melalui wakaf.
- Jalal, B., Ghani, S. A., Ismail, A. S., & Nordin, R. (2019). Kesedaran Amalan Wakaf dalam Kalangan Anggota Angkatan Tentera Malaysia. *Journal of Fatwa Management and Research*, 16(2), 112–126.
- Krejcie, R. V and Morgan, D. W. (1970) 'Determining Sample Size for Research Activities Robert', *Educational and Psychological Measurement*, 310, pp. 607–610. doi: 10.1177/001316447003000308.
- Kumar, S. . K., & Naik, L. (2016). How to Create an Online by using Google forms. *International Journal of Library and Information Science*, 6(3), 118–126. Retrieved from [www.ijlis.org](http://www.ijlis.org)
- Mahadi Ahmad. (2019). An empirical study of the challenges facing zakat and waqf institutions in Northern Nigeria. *ISRA International Journal of Islamic Finance*, 11(2), 338–356. <https://doi.org/10.1108/IJIF-04-2018-0044>
- Md Kamdari, N., Yusoff, R., & Abdul Malik, S. (2017). Public Awareness towards Corporate Waqf by Waqaf an-Nur Corporation Berhad in Socio-Economic Development of Public Society. *Muktamar Waqf Iqlimi IV 2017*, 74(3), 1. [https://doi.org/10.1016/S0097-8493\(02\)00217-0](https://doi.org/10.1016/S0097-8493(02)00217-0)
- Ministry of Higher Education. (2016). The University Transformation Programme (UniTP) Purple Pook: Enhancing University Income Generation, Endowment and Waqf.
- Mohiddin, H. M. N. H., & Yusof, K. S. (2018). Memasyarakatkan Wakaf di Brunei Darussalam; Realiti dan Cabaran. *Asean International Conference on Islamic Finance (5<sup>th</sup> AICIF), December 2017*.
- Nailul Morad, M. N., & Mohd Firdaus, Z. (2013). Waqaf Participation Among Muslims in Penang. The 3rd Annual International Conference Syiah Kuala University & 2nd International Conference on Multidisciplinary Research Conference (ICMR), 1–6
- Osman, A. F. (2014). An Analysis of Cash Waqf Participation among Young Intellectuals. *9th International Academic Conference*, (April), 711–723.
- Polit, D. F., & Beck, C. T. (2010). Generalization in quantitative and qualitative research: Myths and strategies. *International Journal of Nursing Studies*, 47(11), 1451–1458. doi: <https://doi.org/10.1016/j.ijnurstu.2010.06.004>
- Diakses November 20, 2020, from <https://uitmpay.uitm.edu.my/giving/products/AA/27/>

- Saufirah, S., Tahir, M., Wahid, H., & Ahmad, S. (2015). eProsiding Seminar Fiqh Semasa (SeFis) 2015 eISBN : 978-967-13426-2-6 *Pelestarian Wakaf Dalam Institusi Perbankan Islam: Analisis Wakaf Selangor Muamalat*, 2(2011), 1–9.
- Shari, M. G. bin. (2019). Awareness Business Zakat in Islam Among Small Business in Seberang Perai Tengah, Penang. *Journal of Chemical Information and Modeling*, 53(9), 1689–1699. <https://doi.org/10.1017/CBO9781107415324.004>
- Suhaimi, A. F. M., Sabri, S. A., Kassim, M. A. M., & Rosli, H. F. (2017). Tahap Kefahaman Mengenai Wakaf: Kajian Kes di Selangor. *Proceeding of the 4th International Conference on Management and Muamalah 2017 (ICoMM 2017)* e-ISBN: 978-967-2122-15-9, November.
- Saufirah, S., Tahir, M., Wahid, H., & Ahmad, S. (2015). Kesedaran Terhadap Wakaf Tunai: Kajian di Besut, Terengganu. *eProsiding Seminar Fiqh Semasa ( SeFis ) 2015 EISBN : 978-967-13426-2-6*, 2(2011), 1–9.
- Sulaiman,S. (2008). Hukum Pembangunan Tanah Wakaf Khas Menurut Perspektif Syarak. *Jurnal Muamalat*, 45–64.
- Yayasan Waqaf Malaysia. (2020). Pengenalan Wakaf. Diakses Ogos 25, 2020, <https://www.ywm.gov.my/wakaf/pengenalan>
- Yusoff, M. F. M., & Taib, M. S. M. (n.d.). Promosi Waqaf: Elemen Ihsan dan Amanah. *Journal of Fatwa Management and Research*, 16(2), 138–150.
- Zulkiflee, N., Wahid, H., & Ahmad, S. (2015). Kesedaran Terhadap Wakaf Tunai: Kajian di Besut, Terengganu. *Eprosiding Seminar Fiqh Semasa (SeFis)2015*, 1–11.





Cawangan Kedah  
Kampus Sungai Petani

**e-ISSN: 2682-7840**

